

## Maklumat Komoditi : Timun

### Penyediaan Tanah

#### Penyediaan Kawasan

Penyediaan kawasan merangkumi kerja-kerja pembersihan kawasan, pembajakan, pengapuran dan membuat batas. Tanah dibajak dan digembur sedalam 30 cm. 5.3.2 Pengapuran perlu dilakukan sekiranya pH tanah kurang daripada 5.0 dan ianya dilakukan semasa pembajakan tanah supaya bahan kapur dapat digaul-rata ke dalam tanah. Pengapuran sebaik-baiknya dilakukan 1-2 bulan sebelum menanam. Pengapuran boleh dilakukan dengan menggunakan *Ground Magnesium Limestone (GML)*,  $\text{Ca(OH)}_2$ , abu tanaman dan lain-lain lagi. Pada umumnya, keperluan kapur untuk tanah mineral, gambut dan pasir (BRIS dan bekas lombong) ialah 3-5, 3-7.5 dan 1-3t/ha.

#### Penyediaan Batas

Penyediaan batas bertujuan memastikan saluran dan pengudaraan yang baik di dalam tanah. Batas-batas hendaklah disediakan lebih kurang 3-5 hari sebelum menanam.

Ukuran batas bagi timun adalah lebih kurang 1.2 meter lebar, 7.5 meter panjang dan 30 cm tinggi. Jarak antara batas ialah 30 cm.